

Selasa – 15 Disember 2020

Halaman : 33

Orang Asli akhirnya pulang semula ke rumah

ISKANDAR PUTERI: Kira-kira 40 penduduk Kampung Orang Asli Simpang Arang yang mlarikan diri akibat percaya khabar angin berhubung penularan Covid-19 kini kembali pulang ke rumah masing-masing.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Khas Dewan Undangan Negeri (JPKD) Kota Iskandar, Pandak Ahmad berkata, mere-

ka sebelum itu telah diberikan penjelasan lanjut berhubung dakwaan seorang pegawai Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) Negeri Johor dijangkiti Covid-19.

Katanya, satu pertemuan diatur antara penduduk terlibat dengan Kementerian Kesihatan dan Jakoa semalam di samping menunjukkan surat pengesa-

han bahawa pegawai agama itu negatif Covid-19.

“Mereka telah memohon maaf kepada ustaz itu kerana mendakwa dan mempercayainya positif Covid-19 sedangkan ia tidak benar.

“Justeru itu, setelah mendapat penjelasan lanjut mereka pulang secara berperingkat ke rumah masing-masing bermula

semalam dan hari ini,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Minggu lalu, mereka yang terdiri daripada 15 keluarga Kampung Orang Asli Simpang Arang Asli Simpang Arang mlarikan diri ke dalam hutan akibat percaya khabar seorang pegawai Jakoa dijangkiti Covid-19.

Mereka dikatakan sanggup

berjalan kaki sejauh lapan kilometer ke satu kawasan hutan di sini selepas dikhabarkan seorang pegawai agama Jakoa itu positif virus berkenaan.

Kumpulan itu kemudian membuat penempatan sementara itu hanya beratapkan besi zink dan berlantaikan kayu di tepi muara sungai dalam kawasan hutan Gelang Patah.